

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN**  
**BIN DATU MANSUR [ SILAM ]**  
**TARIKH : 18.5.2016 (RABU)**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah keberkesanan OPS Catut dalam menyelesaikan masalah peniaga yang menaikkan harga barang dan melanggar Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**OPS CATUT** yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bermula **15 Januari 2015** di seluruh negara merupakan langkah penguatkuasaan dalam usaha menangani isu harga barangan. Operasi diteruskan sehingga ke hari ini dan penguatkuasaannya telah dipertingkatkan ke atas semua rangkaian perniagaan dalam negara.

Tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan mencatut akan tertakluk kepada penalti yang berat di mana bagi **orang perseorangan** boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau 3 tahun penjara bagi **kesalahan pertama**; RM250,000 atau 5 tahun penjara bagi **kesalahan kedua dan berikutnya**. Manakala, bagi **pertubuhan perbadanan atau syarikat** pula dikenakan denda RM500,000 bagi **kesalahan pertama** dan RM1juta bagi **kesalahan kedua dan berikutnya**.

Sehingga **17 Mei 2016**, sebanyak **2.045 juta pemeriksaan** telah dijalankan. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak **3,317 Notis** di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut kerana telah menaikkan harga atau mengenakan harga yang keterlaluan tinggi. Hasil tindakan ini sebanyak **234 kertas siasatan telah dibuka**.

Sehingga kini, sebanyak **26 kes** telah **didakwa** di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana sejumlah **23 kes** telah **selesai didakwa** serta dijatuhkan hukuman dengan **denda keseluruhan**

berjumlah **RM562,500**. Manakala **3 kes** lagi masih dalam tindakan pendakwaan di Mahkamah.

**Jumlah kes** yang telah dikompaun pula ialah sebanyak **16 kes**. Sehingga kini, **14 kes** telah selesai dikompaun dengan jumlah keseluruhan **RM173,000** manakala sebanyak **2 kes** masih belum dijelaskan.

Kementerian ini, sebagai sebuah ***Caring Ministry***, akan memastikan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan rakyat yang diamanahkan oleh Kerajaan terus dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dengan ini, Kementerian tidak akan berkompromi dan akan bertindak tegas terhadap mereka yang mengambil kesempatan mengeksploitasi harga dan menjejaskan kepentingan pengguna.

**SOALAN ( 41 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 MEI 2016  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat pembinaan perumahan KPKT yang diperuntukkan melalui Negeri (Menteri Besar), sekiranya ada berapakah unit rumah KPKT yang dibina di Kedah melalui peruntukan tersebut dan senaraikan berapa jumlah bagi setiap Parlimen.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2016 sebanyak 6 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang merangkumi 3,622 unit rumah telah dilaksanakan di negeri Kedah. Perincian keenam-enam projek tersebut adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>UNIT</b>	<b>PARLIMEN</b>
<b>Projek Siap</b>			
1	PPR Paya Nahu, Sg. Petani	1,472	Merbok
2	PPR Kuah, Langkawi	422	Langkawi
<b>Dalam Pembinaan</b>			
3	PPR Kota Setar, Alor Setar	500	Alor Setar
4	PPR Mukim Naga, Kubang Pasu	312	Kubang Pasu
5	PPR Kuala Nerang, Padang Terap	286	Padang Terap
<b>Dalam Perancangan</b>			
6	PPR Ayer Hitam, Kubang Pasu	630	Kubang Pasu
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,622</b>	

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Mei 2016

**SIDANG DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN TEO KOK SEONG**  
**[RASAH]**  
**TARIKH** : **18 MEI 2016 [RABU]**  
**SOALAN** : **42**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) perkembangan terkini projek Angkasawan 2; dan
- (b) jumlah kos untuk menjayakan projek Angkasawan 2 tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan yang di-Pertua,**

Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, Kerajaan sedang melaksanakan langkah-langkah penjimatan berdasarkan kepada kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Selaras dengan langkah tersebut, Kerajaan telah membuat keputusan menjenama semula Program Angkasawan Negara Kedua (PAN-2) kepada Program Mikrograviti Negara (PMN). Menerusi Program Mikrograviti Negara, fokus program ini adalah kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang mikrograviti. Mekanisme pelaksanaannya hanya melibatkan penghantaran sampel penyelidikan mikrograviti ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) **tanpa melibatkan** penghantaran angkasawan negara. Program PMN adalah lebih ekonomik dan

memerlukan kos yang jauh lebih rendah berbanding dengan kos penghantaran angkasawan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos program PMN dianggarkan sekitar RM1.5 juta hingga RM5 juta sahaja berbanding kos penghantaran angkasawan yang dianggarkan sekitar RM150 juta hingga RM190 juta.

**Tuan yang di-Pertua,**

Tumpuan pelaksanaan PMN adalah kepada pembangunan kapasiti, fasiliti dan peningkatan tahap kesediaan negara dalam bidang mikrograviti. Kerajaan juga meningkatkan kerjasama pintar dengan agensi-agensinya antarabangsa seperti *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)*, *Russian Federal Space Agency (ROSCOSMOS)* dan *European Space Agency (ESA)*.

Sekian, terima kasih.